

**ASPEK-ASPEK PETEMPATAN
SEBUAH KAMPUNG MELAYU DI PINGGIR BANDAR:
Kajian Kos Kampung Sungai Rokam Ipoh**

oleh

Aznan bin Abdul Wahab

**LATIHAN ILMIAH INI
Disorahkan Untuk Memenuhi Keperluan
BAHAGIAN GEOGRAFI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1983**

Untuk Seluruh Keluargaku

Yang Kepada Mereka

Aku Masih Terhutang Budi.

(i)

PRAKATA

Latihan Ilmiah ialah satu daripada kursus perlu yang membawa beban kerja sebanyak lapan unit di Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Kursus ini mengambil tempoh masa sepanjang Sesi 1982/1983 tetapi perlu dimulakan pada cuti panjang Semester Ke2 sesi 1981/1982. Tiap-tiap pelajar yang mengikuti kursus ini akan diperuntukan seorang pensyarah sebagai penyelia dan penasihatnya sepanjang program ini.

Tujuan kursus ini di antaranya ialah untuk mendedahkan pelajar-pelajar dengan kerja-kerja luar di samping mempraktikkan amalan-amalan yang dipelajari di dalam bilik kuliah. Dengan itu juga hasil-hasil kajian boleh dijadikan bahan sumber untuk penyelidikan selanjutnya.

Segala kekurangan yang terdapat di dalam kajian ini adalah tanggung jawab pengkaji maka dengan itu segala teguran akan diterima dengan hati yang terbuka.

Kata-kata Penghargaan

Sejak dari usaha awal-awal untuk memulakan Latihan Ilmiah ini hingga tempoh menulis ayat yang terakhir saya telah mendapat bantuan dan petunjuk daripada ramai orang tetapi tidak berkemungkinan mencatatkan semuanya. Kepada mereka saya huluskan ucapan terima kasih yang tidak terhingga. Walau bagaimanapun, segala isi kandungan Latihan Ilmiah ini adalah tanggung jawab saya.

Kepada penduduk-penduduk Kg. Sg. Rokam Ipoh yang telah memberikan kerjasama yang membolehkan saya mengumpulkan sebahagian besar maklumat Latihan Ilmiah ini saya ucapkan ribuan terima kasih. Perlu juga dicatatkan di sini akan terima kasih saya kepada pegawai-pegawai di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Bahagian Perumahan Awam dan Jabatan Perancang Bandar di Majlis Perbandaran Ipoh kerana layanan dan pertolongan yang sukar ditandatangani.

Kepada Encik Hassan Naziri bin Khalid, sebagai penyelia dan penasihat saya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kerana kesabaran, galakan dan nasihat yang bernas pada tempoh masa seluruh kajian terutama kepada minat yang ditunjukkannya.

Akhirnya, terima kasih kepada semua yang telah membantu sehingga berhasilnya Latihan Ilmiah ini.

(iii)

ABSTRAK

Selalunya apabila proses penglobaran bandar berlaku ia akan menyesisih keluar halangan-halangan fizikal dan juga alam sekitar budaya yang tidak boleh menyesuaikan dirinya ke dalam sistem bandaran. Kalau begitu petempatan-petempatan yang wujud di persekitaran perbandaran yang tidak dapat menyesuaikan diri akan mengalami dislokasi ini. Tetapi sebuah petempatan Melayu yang berada di pinggir Majlis Perbandaran Ipoh, iaitu Kg. Sg. Rokam, bukan saja telah wujud selama dua puluh dua tahun tetapi telah dapat mengekalkan kedudukannya di samping menunjukkan perkembangan dan pembangunan yang ketara sebagai petempatan Melayu di persekitaran bandar.

Dengan berlatarkan keadaan-keadaan ini, tujuan kajian ini ialah hendak menganalisa faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudan, pengekalan dan juga perkembangan petempatan Melayu di pinggir bandar ini dan juga untuk menguji satu andainya bahawa pengekalan dan perkembangan petempatan Melayu di bandar memerlukan sokongan dan bantuan daripada kerajaan.

Di antara penemuan-penemuan penting yang diperolehi dari kajian ialah petempatan ini masih lagi wujud sebagai petempatan Melayu di pinggir bandar adalah disebabkan oleh tindakan kerajaan yang bukan saja menghadkan petempatan ini untuk orang-orang Melayu saja tetapi juga dengan